

Kata-kunci:
Anak / Zuriat
Rancang
Rezeki
Gantung
Yakin



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

25 September 2026 / 13 Rabiulakhir 1448H

Membina Keluarga Berdaya Tahan:
Mengimbangi Perancangan dan Iman

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ تَعَالَى فِي التَّنْزِيلِ: يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga Allah s.w.t. melindungi diri kita dan orang-orang yang kita sayangi di dunia dan di akhirat kelak. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Khutbah hari ini akan membicarakan tentang tanggungjawab terhadap anak, perancangan, dan kebergantungan kepada Allah. Firman Allah s.w.t. dalam Surah At-Tur, ayat 21:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ
وَمَا أَتَيْنَاهُم مِّنْ عَمَلِهِمْ مِّنْ شَيْءٍ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ

Yang bermaksud: *“Dan orang-orang yang beriman, serta **anak** keturunan mereka yang mengikuti mereka dalam keimanan, Kami himpunkan dengan mereka **zuriat** mereka (di dalam syurga), dan Kami tidak mengurangkan sedikit pun pahala amal mereka. Setiap orang terikat dengan apa yang dikerjakannya.”*

Saudara sekalian,

Kita diciptakan saling **bergantung** antara satu sama lain, terutama dalam sebuah keluarga. Hubungan antara ibu bapa dan **anak-anak** seharusnya mencerminkan keamanan, keselamatan, ketenteraman dan kasih sayang. Dan apabila kita sendiri menjadi seorang ayah, adalah menjadi peranan kita membangun generasi Muslim akan datang.

Pun begitu, hari ini, ramai yang sudah pun menggalas pelbagai bebanan, seperti tekanan kerjaya serta cabaran kehidupan moden yang rencam. Kerisauan ini, ditambah dengan soal masa hadapan yang tidak menentu, boleh menyebabkan sebahagian orang kurang cenderung untuk mendirikan rumah tangga atau menimang **cahaya mata**.

Dalam mempertimbangkan soal **zuriat**, kita diminta **merancang** segala perkara yang berkait dengan masa hadapan mereka. Ini termasuklah mengenal pasti dan memastikan keperluan fizikal, emosi, rohani, dan nafkah mereka dapat dipenuhi. Namun, pada masa yang sama, usahlah membiarkan kerisauan terhadap soal **rezeki** dan masa hadapan mengatasi **kebergantungan** dan **keyakinan** kita terhadap Allah s.w.t.

Ini kerana **rezeki** pemberian Allah hadir dalam pelbagai bentuk. Kestabilan kewangan, rumahtangga yang aman, dan untaian doa daripada **anak** yang soleh – semua ini merupakan **rezeki**.

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Dalam mengimbangi tuntutan kehidupan masa kini dan aspirasi memupuk keluarga yang berdaya tahan, ada beberapa panduan agama yang harus kita pelajari:

Pertama: Perancangan untuk masa hadapan mencerminkan tanggungjawab

Benar, terdapat beberapa riwayat hadis yang menggambarkan bagaimana Rasulullah s.a.w. berbangga dengan umatnya yang ramai. Namun, dalam soal membina keluarga, kita juga harus memikirkan kualiti dan kemampuan kita untuk menampung keperluan **anak** dan pasangan – sama ada dari segi nafkah, emosi dan seumpamanya.

Anjuran agama untuk mendapatkan zuriat dan melangsungkan nasab datang seiring dengan tuntutan untuk melaksanakan tanggungjawab, serta memastikan keperluan ahli keluarga dapat dipenuhi. Apabila ini tercapai, kita dapat membentuk individu serta keluarga yang berdaya tahan.

Kedua: Di samping membuat perancangan dan persediaan, letakkan pergantungan kepada Allah

Dalam **merancang** dan berikhtiar membuat persiapan untuk masa depan keluarga, kuatkanlah **keyakinan** kita kepada Allah. Ingat, bukan kita yang menjamin masa depan dengan usaha kita sendiri. Hanya Allah s.w.t. yang berhak melimpahkan **rezeki** dan barakah melalui cara-Nya yang tersendiri.

Saudara sekalian,

Akidah kita melandaskan bahawa **rezeki** setiap insan telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Allah yang mengurniakan **zuriat** kepada sesiapa yang Dia mahu. Sebagai insan yang bertanggungjawab, tugas kita adalah membuat persiapan untuk masa depan dengan sebaiknya. Selebihnya, kita serahkan urusan kita kepada Allah dengan penuh baik sangka. Semoga Allah s.w.t. terus menguatkan iman kita, memberkati **rezeki** kita, dan merahmati keluarga kita. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي غَزَّةٍ وَفِي فَلِسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ

عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.